

INFO PROGRAM INTERVENSI MURID TAHUN 6 DAN PENGGUNAAN BAHAN INTERVENSI PPSMI MURID TAHUN 6 MATA PELAJARAN : SAINS

1. PENDAHULUAN

- Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program intervensi PPSMI pada 2005 dan 2007 masing-masing untuk murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 atas permintaan pelbagai pihak. Tujuan untuk membantu memantapkan persediaan murid menduduki peperiksaan PMR dan SPM.
- Sekolah juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian murid.
- Murid Tahun 6 pada 2008 adalah murid Kohot Pertama PPSMI. Semua pihak yang terlibat perlu memastikan pencapaian murid tidak merosot dan murid menguasai kemahiran asas.
- KPPM mengarahkan supaya inisiatif diambil bagi membantu guru meningkatkan pencapaian murid Tahun 6.
- Mesyuarat Urus Setia Jawatankuasa Pemantauan PPSMI pada 19 Julai 2007 memutuskan untuk melaksanakan Program Intervensi PPSMI 2008 bagi membantu murid Tahun 6.
- PPK selaku Urus Setia PPSMI dipertanggungjawabkan merangka strategi dan menggerakkan program. Cadangan awal Pelan Tindakan Pelaksanaan telah dibincang di peringkat PPK.

2. MATLAMAT DAN OBJEKTIF

- Meningkatkan pemahaman dan penguasaan murid dalam Sains & Matematik.
- Memastikan pencapaian murid dalam Sains & Matematik UPSR 2008 tidak merosot.

3. STRATEGI PELAKSANAAN

- Sasaran Program : Guru / Murid Tahun 6
- Pelaksanaan :
 - Program ini wajib dilaksanakan oleh semua sekolah tetapi sekolah diberikan kebebasan merancang pelaksanaan program di peringkat sekolah.
 - Jangka masa program ialah dari pertengahan Februari hingga September 2008.
 - Program ini boleh dijalankan di dalam atau di luar jadual waktu formal (bergantung kepada bentuk program yang dirancang dan dilaksanakan)
 - Bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Inggeris.

4. BAHAN INTERVENSI SAINS TAHUN 6

Bahan Guru

Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) UPSR 2004 & 2005 :

Kupasan Analisis Mutu Jawapan Sains UPSR (2004 & 2005) diberikan untuk memberikan gambaran dan penilaian kepada guru dalam merancang aktiviti/program atau P&P terancang yang sesuai dengan keperluan murid.

Bahan Murid

- Lembaran Kerja Latih Tubi Topikal Tahun 4, 5 dan 6
- Lembaran Kerja Amali / Aktiviti Sains Tahun 4, 5 dan 6
- Set Soalan Latih Tubi Topikal Tahun 4, 5 dan 6 (Objektif dan Struktur)
- *Glossary* Sains Tahun 6
- Peta Minda Topikal Tahun 4, 5 dan 6 (Setiap *Learning Objectives*)

Semua bahan boleh digunakan dalam p&p yang terancang bagi tajuk sukar dan tajuk mudah mengikut keperluan murid. P&p yang dijalankan sama ada **dalam jadual waktu** atau **di luar jadual waktu (kelas bimbingan)** mengikut kesesuaian topik / sub topik yang perlu dikuasai oleh murid.

Bagi topik-topik Tahun 4 dan 5, bahan intervensi boleh digunakan bagi **bahan latih tubi, latihan kerja rumah** dan **p&p yang terancang dalam kelas bimbingan** (sebagai bahan mengulangkaji dan memantapkan penguasaan murid bagi tajuk yang sukar atau yang mudah)

Guru boleh memilih mana-mana bahan yang sesuai mengikut keperluan murid.

- Kit Ujian Diagnostik PPSMI Tahun 6

Kit UD Sains Tahun 6 sedang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan dijangka sampai ke sekolah selewat-lewatnya pada bulan Mac 2008 (3 bulan pertama persekolahan diisi dengan aktiviti tertentu).

5. AKTIVITI-AKTIVITI INTERVENSI

AKTIVITI 1

P&P Pemulihan Berasaskan Kit Ujian Diagnostik Thn. 4 & 5 :

- Sekolah telah menerima kit UD Tahun 4 & Tahun 5 dan ia sebenarnya boleh digunakan semula atau diubahsuai.
- Sekolah telah pun ada analisis UD Tahun 5 dan ia boleh dijadikan asas untuk mengenalpasti kelemahan murid Tahun 6 dan seterusnya merancang tindakan pemulihan berdasarkan analisis UD untuk membantu murid yang lemah dalam aspek yang telah dikenalpasti.
- UD tanpa pemulihan tidak akan bermakna.
- Tindakan pemulihan haruslah spesifik untuk aspek kelemahan tertentu dan bukannya mengatasi aspek kelemahan murid semata-mata secara *drill*.

AKTIVITI 2 :

Pelaksanaan P&P Secara Terancang :

- Melaksanakan P&P secara terancang mengikut tema, tajuk sukar atau tajuk mudah menggunakan kaedah yang berkesan. (Guru perlu merancang p&p yang terancang dengan menggunakan bahan intervensi yang dibekalkan)
- Pelaksanaan P&P secara terancang ini adalah berdasarkan aspek kelemahan murid yang dikenalpasti oleh guru melalui analisis UD atau berdasarkan bahan Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) Sains 2004 & 2005 yang dibekalkan dalam CD.
- Guru-guru juga digalakkan menggunakan bahan intervensi yang dibekalkan (**Bahan Murid**) secara terancang mengikut kesesuaian topik /sub topik sebagai tindakan pemulihan, pengukuhan atau pengayaan.
- Bahan-bahan yang digunakan dan cara penggunaannya adalah seperti berikut:

1. Lembaran Kerja Latih Tubi Topikal Tahun 4, 5 dan 6 (Struktur)

- Bahan ini mencakupi semua learning objectives dan learning outcomes bagi HSP Tahun 4, 5 dan 6.
- Bahan Topik Tahun 6 digunakan di akhir p&p untuk menilai penguasaan murid atau sebagai latihan dalam kelas semasa p&p.
- Bahan Topik Tahun 4 dan 5 digunakan dalam p&p terancang dalam kelas bimbingan atau dalam jadual waktu (mengulang kaji) untuk latihan dalam p&p (bahan pembelajaran murid)
- Mengandungi pelbagai bentuk soalan yang boleh digunakan sebagai latihan untuk pemulihan atau pengayaan atau pengukuhan.
- Guru perlu membuat analisa pencapaian murid untuk mengenalpasti kelemahan murid serta mengambil tindakan penambahbaikan dalam p&p dan prestasi murid.

2. Lembaran Kerja Amali / Aktiviti Sains Tahun 6

- Secara umumnya bahan ini untuk memudahkkan guru menjalankan kerja amali secara terancang dan memberikan kefahaman dan penguasaan bagi kemahiran proses sains dan penguasaan pengetahuan hasil daripada kerja amali. Bahan ini juga boleh digunakan untuk penilaian PEKA yang mana panduan penilaian disertakan bagi Kemahiran Proses Sains yang akan diuji.
- Bahan ini boleh digunakan dalam masa p&p sesuatu kerja amali berdasarkan buku aktiviti murid untuk memantapkan penguasaan kemahiran proses sains.

3. Glossary Sains (Tahun 6)

- Glossary digunakan di akhir p&p sesuatu sub topik (dalam waktu formal, atau sesi mengulangkaji). Di akhir p&p murid diperkenalkan kembali terminologi dan istilah yang terdapat dalam topik yang diajar.dan diperjelaskan maksudnya. Perlu diberikan kepada murid dalam bentuk bercetak tetapi sebaik-baiknya disalin oleh murid dalam satu buku khas "glossary" dengan mediberikan kepada murid.

(Guru boleh merancang aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk membolehkan murid menguasai terminologi atau istilah dalam glossary yang telah diberikan kepada murid)

4. Peta Minda Topikal Tahun 4, 5 dan 6

- Peta Minda bagi setiap topik / sub topik (**theme / learning area/ learning objectives**) digunakan di akhir p&p sesuatu *learning area* atau *learning objektif* sama ada dalam waktu p&p formal atau dalam p&p kelas bimbingan. (Guru perlu mengadakan sesi perbincangan dengan murid dalam bentuk soal jawab berdasarkan peta minda yang diberikan kepada murid).
- Setiap peta minda yang berkaitan diberikan kepada murid (dalam bentuk bercetak tetapi sebaik-baiknya murid menyalinnya) untuk membolehkan murid mengetahui perkara-pekerja yang telah dipelajari dan perlu dikuasai.
- Murid perlu memasukkan peta minda bagi setiap topik dalam buku nota sains mereka.

AKTIVITI 3:

Latihan Soalan-Soalan Topikal

Bahan Yang Digunakan : **Set Soalan Latih Tubi Topikal Tahun 4, 5 dan 6**

- Guru perlu merancang aktiviti latihan kepada murid dengan menggunakan bahan intervensi **Set Soalan Latih Tubi Topikal Tahun 4, 5 dan 6**.
- Soalan-soalan adalah berbentuk objektif dan struktur yang mencakupi semua *learning area* mengikut HSP Tahun 4, 5 dan 6.
- Dicadangkan murid diberi beberapa siri latihan yang terancang semasa dalam p&p, di luar p&p (kelas bimbingan) atau sebagai kerja rumah mengikut topik / sub topik yang telah diajar.
- Guru perlu menetapkan bilangan latihan yang minimum yang perlu diberikan dan diselesaikan oleh murid dalam seminggu / sebulan.
- **Guru perlu memilih soalan-soalan latihan secara terancang** yang sesuai mengikut keupayaan dan kebolehan murid untuk tujuan mengesan penguasaan murid dalam sesuatu topik / sub topik yang sukar atau mudah mengikut keperluan murid.
- Semua latihan yang diberikan mestilah diperiksa dengan teliti dan **dibuat analisa pencapaian murid dari segi ketetapan jawapan murid** (fakta dan bahasa), **kesalahan yang kerap dilakukan oleh murid, kekuatan dan kelemahan murid** secara menyeluruh. Guru perlu menjalankan aktiviti penambahbaikan setelah setiap siri latihan dijalankan.
- Semua latihan murid mesti didokumenkan (adakan satu fail khas yang mengandungi tarikh-tarikh latihan diberi, bilangan latihan yang diberi, set-set soalan latihan yang diberi dan laporan prestasi latihan murid. Murid juga perlu ada rekod latihan yang dibuat (Folio / Buku Latihan Khas Intervensi).

Catatan:

**FORMAT SOALAN SET LATIHAN BAGI LATIH TUBI TOPIKAL INI BUKAN SATU
FORMAT YANG MUKTAMAD UNTUK PEPERIKSAAN UPSR 2008.**

AKTIVITI 4 :

Ujian Diagnostik (UD) Sains (PPSMI Tahun 6) :

- Kit UD Sains Tahun 6 sedang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan dijangka sampai ke sekolah selewat-lewatnya pada bulan Mac 2008.
- Segala maklumat berkaitan UD Sains Tahun 6 akan dimaklumkan apabila ia diperolehi daripada LPM kelak.
- Walau bagaimanapun pihak sekolah harus memastikan bahawa setiap UD yang dijalankan mesti ada analisis dan usaha pemulihan ke atas murid. UD tanpa pemulihan tidak memberi apa-apa makna.
- Tindakan pemulihan yang spesifik untuk aspek kelemahan tertentu, dan bukan mengatasi aspek kelemahan murid semata-mata secara *drill*.
- Guru tidak seharusnya merancang pemulihan secara bersendirian. Semua aktiviti pemulihan mesti dirancang oleh panitia dan dilaksanakan secara bertitik fokus mengikut keperluan murid.

Catatan :

Pihak sekolah diberi kebebasan merancang strategi pelaksanaan aktiviti-aktiviti intervensi ini dan menambah aktiviti-aktiviti lain mengikut kesesuaian dan keperluan sekolah untuk meningkatkan prestasi murid dari segi kualiti dan kuantiti dalam peperiksaan UPSR 2008.

**6. KANDUNGAN CD INTERVENSI PPSMI MURID TAHUN 6
MATA PELAJARAN: SAINS**

FOLDER INDUK : INTERVENSI SAINS TAHUN 6_2008

KANDUNGAN : FOLDER : INFO PROGRAM INTERVENSI SAINS TH6

FOLDER : INTERVENSI_LEMB KERJA YR456

FOLDER : INTERVENSI_LATIH TUBI YR456

FOLDER : INTERVENSI_GLOSSARY YR6

FOLDER : INTERVENSI_PETA MIDA YR456

FOLDER : INTERVENSI_LEMB KERJA AMALI YR456

FOLDER : KMJ UPSR 2004

FOLDER : KMJ UPSR 2005